



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
TILAWAH AL-QURAN DAN PERTANDINGAN NASYID
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA KALI KE 41 TAHUN 2015M /
1437H**

28 OKTOBER 2015

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SERI ISKANDAR,
PERAK DARUL RIDZUAN.**

[SALUTASI]

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,**

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama meraikan Majlis Perasmian Penutup Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyyid Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Kali Ke 41, Tahun 2015 M bersamaan 1436H.

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada para peserta khususnya dan para hadirin dan hadirat amnya, dari seluruh negara kerana dapat meluangkan masa menghadiri majlis ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan kerana sudi menjadi tuan rumah majlis ini. Sekalung penghargaan juga ingin saya sampaikan kepada pihak pengurusan UiTM Seri Iskandar, di atas kerjasama dan kesudian membenarkan JKM memanfaatkan fasiliti di kampus yang indah permai ini. Begitu juga, jutaan terima kasih kepada jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam majlis ini yang tidak dapat saya sebut satu-persatu di sini.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

3. Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyyid anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat ini agak unik dan menarik. Saya difahamkan, kepelbagaian kategori penyertaan dalam Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyyid adalah satu-satunya

yang seumpama ini di Malaysia. Bagi Tilawah Al-Quran terdapat sebanyak enam kategori dan penyertaannya daripada pelbagai peringkat. Begitu juga dengan nasyid, dua kategori dipertandingkan iaitu kategori penghuni institusi dan kategori kakitangan. Para peserta bukan sahaja terdiri daripada kakitangan jabatan tetapi juga merangkumi klien jabatan yang terdiri daripada penerima bantuan bulanan, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga penghuni-penghuni institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat.

4. Majlis seperti ini dapat membuktikan kepada masyarakat, sekiranya golongan sasaran ini diberi peluang dan ruang, mereka juga dapat menonjolkan kebolehan masing-masing. Ini juga adalah suatu bentuk penghargaan dan pengiktirafan kepada mereka serta dapat meningkatkan harga diri mereka.

5. Selain daripada membantu kumpulan sasaran jabatan untuk mengharungi kesinambungan hidup, warga kerja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amnya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat khususnya, turut sama menyokong dan melibatkan diri di dalam program ilmu dan aktiviti kemasyarakatan. Dengan adanya program seperti ini, diharapkan dapat melahirkan anggota masyarakat yang hidupnya sentiasa berpaksikan agama sebagai tunjang kehidupan. Hal ini selaras dengan tuntutan agama yang amat menekankan hubungan dua hala, iaitu **hablum minannas** (hubungan baik sesama manusia) dan **hablum minallah** (hubungan manusia dengan Allah).

6. Sekiranya anggota masyarakat dapat mengekalkan hubungan dua hala ini dengan istiqamah, sesebuah masyarakat itu bukan sahaja dapat hidup dalam aman dan harmoni, malah dapat menjalin ukhwah dan perpaduan ummah yang sejati. KPWKM sentiasa berusaha menyemai dan memupuk nilai-nilai murni di dalam institusi keluarga dan masyarakat, sesuai dengan *tagline* korporat Kementerian iaitu "**Keluarga Bahagia Negara Sejahtera**". Sehubungan dengan itu, inisiatif JKMM menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyid amat bertepatan dengan matlamat Kementerian iaitu, "**Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.**"
Hadirin dan Hadirat yang saya muliakan,

7. Islam amat mementingkan kejayaan dalam hidup, sama ada kehidupan di dunia mahupun akhirat. Ini selaras dengan saranan di dalam seruan azan yang dikumandangkan iaitu kalimat "**Haiya'alal Falah**" (marilah menuju kejayaan). Nabi Muhammad S.A.W bersabda yang bermaksud, "**Sesungguhnya orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini sentiasa lebih baik daripada semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini sama dengan semalam**" (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Justeru itu, usaha-usaha yang dilakukan oleh KPWKM selama ini adalah selaras dengan tuntutan agama, supaya kumpulan sasaran kita dapat berubah ke arah kehidupan yang lebih baik di masa hadapan. Manusia tidak mungkin berjaya memanfaatkan dunia ini dengan baik jika sikap dan pandangannya terhadap dunia tidak tepat sebagaimana sepatutnya, kerana alam dan fenomenanya diciptakan dan ditundukkan oleh Allah S.W.T untuk manusia yang diturunkan sebagai khalifah. Dunia ibarat sebuah terminal, hanya tempat persinggahan, justeru selagi kita hidup curahlah bakti sedaya mungkin semoga kerja kita selama ini dapat dikira sebagai amal soleh.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati,

8. Tema yang dipilih untuk Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyid pada tahun ini iaitu, "**Perpaduan Nadi Transformasi Negara**", amat relevan dan signifikan dengan realiti masyarakat pada hari ini. Dalam kegawatan kita pada hari ini berdepan dengan pelbagai masalah sosial, keruntuhan akhlak, kepincangan budaya, keruntuhan institusi keluarga, terjejasnya perpaduan kaum dan seumpunya, kadang-kadang kita lupa kepada pesanan Allah supaya kita kembali kepada Al-Quran sebagaimana firmanNya yang bermaksud; "**Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya**". (Surah Al-Israa', ayat 82). Justeru itu, tujuan di sebalik majlis yang kita adakan ini, bukan sekadar untuk mendengar kemerduan Qari dan Qariah mengalunkan ayat-ayat suci Al-Quran, tetapi untuk kita menghayati intisari pengajaran yang dibawa oleh Al-Quran supaya dapat dijadikan panduan hidup.

9. Bagi membawa perubahan di dalam masyarakat, salah satu elemen penting adalah perpaduan. Hanya masyarakat yang bersatupadu sahaja dapat menjana masa hadapan yang lebih baik. Jika dilihat sepanjang perjuangan Rasulullah, baginda amat menekankan kepada perpaduan ummah. Sabda Rasulullah S.A.W; "**Hendaklah kamu bersama Jemaah dan jangan kamu berpecah (keluar dari Jemaah)**." Sebagai buktinya, peristiwa penghijrahan Rasulullah S.A.W dari Mekah ke Madinah telah membawa satu transisi peradaban yang memacu transformasi kegemilangan tamadun manusia. Sesungguhnya kegemilangan ini adalah manifestasi daripada kejayaan baginda menyatukan ummah dengan jalinan iman dan taqwa.

Para Hadirin dan Hadirat yang dimuliakan,

10. Mari kita sama-sama berdoa, agar usaha murni kita ini diterima oleh Allah S.W.T sebagai amal soleh dan kita sama-sama memperolehi keberkatan dan ganjaran daripadaNya. Semoga segala usaha kita ini dapat merealisasikan kewujudan "**Baldatun Toyyibatun Warabbun Ghafur**". (Negara yang baik dan mendapat keredhaan Allah)

11. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Perasmian Penutup Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyid Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia Kali Ke 41, Tahun 2015 M / 1436H.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.